Kebimbangan tindakan penularan kawasan tarikan seperti lokasi cantik boleh menjadi punca berlakunya pencerobohan hutan simpan.

Golongan yang kemungkinan kurang pengetahuan mengenai tertib dalam hutan boleh juga menjadi punca kerosakan kepada ekosistem hutan itu sendiri.


Hal itu turut didedahkan Pemelihara Hutan Simpan Ayer Hitam (HSAH) Mohd Farhan Shahrin, apabila kelestarian hutan itu yang terletak di Puchong, Selangor itu semakin terancam akibat budaya penularan lokasi permata tersembunyi.

Keinginan orang awam didorong menerusi visual keindahan lokasi itu ditonjolkan pada video atau gambar yang dimuat naik secara nyata.

"Kawasan lubuk kawah atau Blue Lagoon adalah



LAGUN biru menjadi buruan peminat lokasi tular.



SAMPAH dan mencantas pohon kayu bernilai tinggi antara kesan pencerobohan hutan



PAPAN tanda larang menceroboh.



HUTAN Simpan Ayer Hitam lokasi kajian.



PENDAKI perlukan peritmdan kebenaran untuk melakukan aktiviti merentas atau mendaki hutan simpan.

permata tersembunyi HSAH, yang lebih dikenali orang ramai sebagai Wawasan Hiking Trail atau Kinrara Hiking Trail.

"Kawasan ini ditutup untuk diakses namun tetap diceroboh individu yang tidak bertanggungjawab.

"Keinginan melihat lagun atau keindahan air sungai berwarna biru mengundang perhatian orang ramai meskipun dengan jelas kawasan itu diwartakan sebagai kawasan larangan dalam HSAH," katanya.

Mohd Farhan berkata, selainindahannya, kawasan lagun biru itu juga boleh terancam dan sangat berbahaya kepada orang awam.

"Memang air sungai biru itu sangat cantik dan mengundang keinginan untuk cuba menerokainya.

"Namun larangan itu bersebab termasuklah risiko sungai itu tidak selamat untuk aktiviti rekreasi kerana mempunyai kedalaman hampir 6.1

meter dan pernah meragut nyawa," katanya.

Lokasi hutan yang berkeluasan 1,182 hektar yang dianugerahkan melalui perjanjian kepada Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai kawasan penyelidikan, pendidikan dan pengembangan bukanlah untuk aktiviti rekreasi.

"Hutan ini satu-satunya kawasan hijau yang masih 'hidup' dan wujud di kawasan Puchong.

"Ia memainkan peranan penting apabila menjadi agen penyerap karbon terbesar di Lembah Klang di sebalik pembangunan pesat bangunan konkrit.

"Sebagai golongan masyarakat HSAH itu seharusnya dilindungi kerana setiap segenap kawasannya memiliki ekosistem yang unik.

"Paling bernilai ialah flora dan fauna endemik yang perlu dijaga bagi mengekalkan kepelbagaian biologi serta mengelakkan tanah terus diancam

pembangunan yang tidak terkawal," katanya.

Tambah Mohd Farhan berkata, 'aktiviti' pencerobohan kawasan terbabit sentiasa berlaku pada setiap hujung minggu dan musim cuti perayaan terutamanya melalui laluan atau jalan haram yang dibuka sendiri oleh penjelajah hutan perlu dihentikan.

"Kegiatan meneroka lokasi permata tersembunyi yang dilakukan akan menimbulkan kerosakan kepada hutan simpan kerana pokok hutan yang bernilai di kawasan itu dicantas untuk membina Jaluan buat si penjelajah hutan.

"Apatah lagi, kualiti air di situ perlu dijaga dan

dikawal kerana aktiviti rekreasi tanpa kawalan menerusi pencerobohan menyebabkan air di situ berisiko tercemar dan menjadi punca kepada penyakit kencing tikus membahayakan pelajar yang melaksanakan kajian.

"Pencerobohan oleh orang awam selalunya meninggalkan sisa kotoran seperti sampah sarap dan unggun api.

"Itu menjejaskan usaha pengkaji dan penyelidik untuk terus menjalankan usaha memelihara khazanah alam," katanya.

Beliau turut memaklumkan hutan terbabit kaya dengan tumbuhan endemik bernilai tinggi seperti pokok merawan meranti.

Bangi

"Saya lega kerana sudah mendaftar dan mencaruman pekerja dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) ketika tempoh bulan Pemutihan sebelum tindakan penguatkuasaan diambil.

"Saya juga bersyukur kerana caruman yang dilakukan adalah demi memberi perlindungan keselamatan sosial sekiranya bencana berlaku ke atas pekerja," kata Pengarah Naratif Sdn Bhd Muhammad Aniq Qawiem Mohammad Sazaly, 23.

Keprihatinan beliau terhadap pentingnya perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja secara tidak langsung mengelak syarikatnya dikenakan kompaun ketika Operasi Pengesanan Majikan (Ops Kesan) Peringkat Kebangsaan 2024 yang kini dilaksanakan serentak di seluruh negara.

Ops Kesan Ke-15 itu dilaksanakan selepas Bulan Pemutihan tamat pada 30 Jun lalu memperuntukkan peluang kepada majikan mendaftar dan mencarum pekerja tanpa dikenakan sebarang penalti.

Muhammad Aniq Qawiem berkata dia membuat caruman untuk pekerja sejak Mei lalu selepas membaca maklumat mengenai aktiviti bulan pemutihan dianjurkan oleh PERKESO.

Katanya, perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja adalah wajib kerana faedah diperoleh daripada caruman digunakan oleh pekerja yang ter-

Majikan prihatin lindungi pekerja

Caruman PERKESO dapat akses kepada penjagaan kesihatan menyeluruh, tingkatkan fokus serta produktiviti pekerja



"Tiada kompromi daripada PERKESO apabila pemeriksaan dijalankan di premis majikan"

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed

jejas.

"Saya 100 peratus yakin keselamatan pekerja sangat penting. Saya juga sedar kepentingan PERKESO terhadap keselamatan pekerja."

"Oleh itu, walaupun baru tiga bulan beroperasi saya membuat caruman untuk pekerja," katanya.



DR Mohammed Azman (dua dari kiri) turut serta dalam Ops Kesan.

Muhammad Aniq Qawiem berkata pekerja mempunyai hak dan majikan perlu mencarum bagi pihak mereka.

Menurutnya, menerusi caruman itu faedah diperoleh juga jauh lebih besar jika dibandingkan dengan tanggapan ia sebagai beban kepada majikan.

"Melalui caruman dilakukan dengan PERKESO, secara automatik melayakkan pekerja mendapat akses kepada penjagaan kesihatan menyeluruh, seterusnya meningkatkan fokus dan produktiviti pekerja."

"Caruman yang rendah



PENGUAT KUASA PERKESO meneliti dokumen syarikat milik Muhammad Aniq Qawiem (tengah) yang sudah mencarum PERKESO untuk pekerja.

namun efektif dapat membantu majikan menguruskan risiko berkaitan pekerjaan dengan menyediakan sokongan kepada pekerja dalam menghadapi

pi risiko pekerjaan.

"Oleh itu, bagi majikan di luar sana, buatlah caruman untuk pekerja. Keselamatan dan kesejahteraan pekerja menjamin prestasi kerja yang lebih bermutu," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, Ops Kesan Ke-15 membabitkan hampir 1,000 anggota di seluruh negara adalah bukti PERKESO komited melindungi hak dan kebajikan pekerja.

Katanya, Ops Kesan itu juga membuktikan langkah diambil PERKESO itu bukan sekadar 'wayang' atau 'cakap kosong' seperti tohmahan dimainkan di media sosial.

"Tiada kompromi daripada PERKESO apabila pemeriksaan dijalankan di premis majikan dengan kompaun akan terus dikeluarkan sekiranya mereka didapati melakukan kesalahan."

"Malahan, Ops Kesan Ke-15 ini akan dilaksanakan sepanjang tahun dan bukan secara bermusim kerana majikan sudah diberikan waktu secukupnya untuk melakukan pendaftaran perusahaan serta menunaikan hak pekerja ketika Bulan Pemutihan," katanya.

Tambahnya setakat jam 5 petang semalam, sebanyak 4,299 pemeriksaan ke atas premis dilaksanakan yang menyaksikan 555 Notis Kompaun Akta 4 dan 232 notis kompaun Akta 800 dikeluarkan.

"Keseluruhan jumlah kompaun bagi kedua-dua Akta adalah sebanyak 787 dengan jumlah RM652,500.00," katanya.

Kuala Lumpur: Pelaksanaan arahan penutupan pintu pagar balai polis seluruh negara selepas jam 10 malam tidak akan menjejaskan perkhidmatan pasukan terbabit kepada masyarakat.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain berkata, pelaksanaan arahan itu tertumpu di balai polis yang hanya mempunyai kekuatan penugasan dua anggota pada waktu malam.

"Pada masa ini pelaksanaan arahan itu adalah membabitkan balai polis yang mempunyai penugasan dua anggota.

"Seorang anggota bertugas sebagai prowler (balai pengawal), manakala seorang lagi bertugas di bahagian inkuiri (kaunter laporan polis).

PENUTUPAN PINTU PAGAR BALAI POLIS SELEPAS JAM 10 MALAM

Perkhidmatan PDRM tak terjejas: KPN

"Secara amnya penugasan dua anggota ini wujud di balai polis di kawasan terpencil dan luar bandar, namun ia juga merisikokan keselamatan anggota terhadap sebarang

ancaman seperti yang berlaku di Balai Polis Ulu Tiram," katanya.

Arahan itu akan dilaksanakan selepas prosedur operasi standard (SOP) disiapkan oleh Jabatan Pengurusan Polis Di-

raja Malaysia (PDRM).

Razarudin berkata, penutupan pintu pagar bukan bermaksud sesebuah balai polis itu ditutup, sebaliknya ia tetap beroperasi secara untuk perkhidmatan kepada masyarakat setempat.

"SOP pelaksanaan ara-

han ini akan dibentangkan oleh Pengarah Jabatan Pengurusan PDRM, Datuk Seri Azmi Kassim sebelum dilaksanakan secara berperingkat di balai-balai polis terutamanya kawasan terpencil dan luar bandar.

"Seperti yang ditegaskan Menteri Dalam Negeri, Da-

"Secara amnya penugasan dua anggota ini wujud di balai polis di kawasan terpencil dan luar bandar, namun ia juga merisikokan keselamatan anggota terhadap sebarang ancaman seperti yang berlaku di Balai Polis Ulu Tiram"

Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain



tuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, kita seharusnya mengimbangi bahawa balai polis adalah tempaan rakyat mengadu dan pada masa sama balai polis turut menjadi sasaran ancaman jadi kita imbangkan antara dua keperluan itu," katanya.

Terdahulu, Harian Metro melaporkan semua balai polis di seluruh negara diarah menutup pintu pagar pada jam 10 malam, susulan insiden serangan di Balai Polis Ulu Tiram, Johor Bahru pada 17 Mei lalu.

Ia antara arahan yang dikeluarkan dalam usaha memperketat keselamatan dan bersiap siaga atas sebarang kemungkinan pencerobohan atau tindakan luar jangka ke atas balai polis.

Tanda ternakan mudah kesan pemilik

Shah Alam: Semua lembu dan kerbau ditenak di Selangor akan dilakukan penandaan (tanda pengenalan) bagi memudahkan proses pengesanan pemilik serta pendakwaan di mahkamah.

Exco Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Izham Hashim berkata, perkara itu antara tiga komponen diberi tumpuan dalam pemindaan Enakmen Mengawal Lembu-Kerbau 1971 yang ketika ini dianggap ada kelemahan ketara berkaitannya.

"Isu lembu rayau ini adalah isu besar dan penting yang harus diselesaikan dengan kita tidak boleh membiarkan lembu dan kerbau merayu sehingga memasuki pasar

raya, hospital dan jalan raya.

"Memang kena buat tagging (penandaan) sebab sekarang tidak ada peruntukan berkaitannya. Pengenalan ini bukan sahaja dapat kenal pasti pemiliknya tetapi bahan pembuktian di mahkamah (sekiranya berlaku kes melibatkan kehilangan nyawa akibat kemalangan jalan raya)," katanya pada sidang Dewan Undangan Negeri (Dun) Selangor, semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan **Datuk Harrison Hassan (PN-Jeram)** sama ada penandaan lembu akan dibuat susulan lebih 10 kes kemalangan maut berlaku di Jeram sejak setahun lalu.

HARIAN METRO

Tarikh: 11 JUL 2024



Catopia lokasi *healing* kucing

11/2 9 km

Oleh **ABDUL RAZAK IDRIS**
gayautusan@mediamula.com.my

HAIWAN peliharaan seperti kucing pada hakikatnya ingin lepas bebas dan bergerak dalam ruangnya tersendiri.

Kucing pada hakikatnya seperti manusia juga berasa stres jika sentiasa berada di dalam rumah.

Ia mahukan persekitaran luas untuk berlari dan mengejar objek bergerak, memanjat dan meneroka keadaan sekeliling.

Namun melepaskan kucing bermain di luar rumah bukanlah sesuatu yang mudah dilakukan oleh tuannya.

Risau sudah pasti ada, andai si manja yang bebas di luar rumah, hilang, dicuri atau dilanggar kenderaan.

Lebih-lebih lagi, adakah lokasi sesuai untuk haiwan beriadah di luar rumah?

Pencinta kucing sekitar Shah Alam amat bertuah, apabila baru-baru ini, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menyediakan tempat riadah untuk kucing meredakan tekanan atau disebut *healing* di Catopia, Taman Kucing Shah Alam Seksyen 14, Shah Alam.

Lokasi ini dibuka kepada umum secara percuma pada 5



(TENGAH) Mohd. Fauzi Mohd. Yatim pada majlis pelancaran Catopia baru-baru ini.

“Kawasan seluas 300 meter persegi itu turut dilengkapi pagar setinggi 1.2 meter sebagai ciri keselamatan kucing-kucing yang datang beriadah.”

Julai lalu.

Dekorasi cerianya yang bagaikan taman mainan kanak-kanak ini dijangka menjadi tarikan baharu pelancongan di sini.

Taman kucing ini di bawah MBSA dan diselia serta di selenggarakan Jabatan Landskap

MBSA.

Kawasan seluas 300 meter persegi itu turut dilengkapi pagar setinggi 1.2 meter sebagai ciri keselamatan kucing-kucing yang datang beriadah.

Selain peralatan mainan untuk kucing, ia turut menyediakan pelbagai kemudahan untuk kucing-kucing menikmati suasana kehijauan, di bawah matahari sambil berlari dan memanjat tempat permainan disediakan.

KHIDMAT PERCUMA

Pencinta kucing, Zaiti Hasbi, 40, berkata lokasi tersebut amat kondusif untuk kucing beriadah kerana terdapat pasir tempat membuang najis, tempat makanan dan minuman kucing yang dahaga dan lapar menjamu selera setelah penat beriadah dan bermain di

taman tersebut.

Malahan elemen paling menarik katanya, di taman kucing itu terdapat rumput-rumput kucing (rumput helikopter) yang biasa dimakan oleh kucing yang sakit atau sebagai penghadaman kepada kucing-kucing.

“Sebelum ini ada juga kucing saya dibawa berjalan keluar tetapi perlu dikurung dalam beg sandang khas, takut ia lari.

“Dengan adanya Catopia ini, kucing saya boleh bergerak bebas dalam kawasan yang luas tanpa kita bimbang ia lari ke jalan raya,” ujarnya.

Orang ramai yang ingin ke Catopia, Taman Kucing Shah Alam, boleh datang di kawasan belakang Hotel Mardiyah dan di hadapan Muzium Shah Alam di bersebelahan Dataran

Kemerdekaan Shah Alam.

Sesungguhnya, ia mampu menjadi lokasi untuk kegiatan rekreasi seisi keluarga menghilangkan stres bukan untuk kucing peliharaan semata-mata.

MASA KUALITI KUCING

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Mohd. Fauzi Mohd. Yatim, sewaktu merasmikan taman ini berkata, pencinta kucing boleh membawa kucing masing-masing beriadah ke situ lantaran premis berkenaan dilengkapi pelbagai kemudahan dalam suasana persekitaran yang indah dan tenang.

Ujarnya, melihat kepada infrastruktur disediakan di taman kucing ini, ia diwujudkan khusus untuk menjadi taman permainan si bulus atau oyen yang selesa.

“Biasanya kucing-kucing tinggal dan bermain di dalam rumah seharian.

“Adakalanya dikurung dalam sangkar berjam-jam. Secara tidak langsung ia membuatkan kucing-kucing rasa stres.

“Taman kucing ini khas untuk pencinta kucing yang mahu masa berkualiti bersama kucing-kucing mereka,” katanya.

Kreativiti MBSA khususnya Jabatan Landskap menyediakan rumah-rumah kucing yang pelbagai bentuk dan warna, jambatan gantung dan terowong kecil sangat dipuji dan mampu menjadi tarikan pengunjung.

CATOPIA dibuka kepada umum secara percuma bermula jam 10 pagi.



UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 11 JUL 2024

Tutup pagar balai, operasi polis tetap berjalan

MARANG: Arahan penutupan pintu pagar selepas pukul 10 malam di semua 810 balai polis seluruh negara tidak wajar dijadikan isu oleh sesetengah pihak tidak bertanggung jawab.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, arahan yang dikeluarkan adalah jelas ketika menjawab soalan Datuk Seri Richard Riot Jaem (GPS-Serian) di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata, arahan penutupan pintu pagar balai polis sebelum ini juga sudah menjadi prosedur operasi standard (SOP) yang diamalkan terutama di premis yang diklasifikasi berisiko tinggi.

"Istilah yang saya sebut semalam ialah tutup pintu pagar balai polis, bukan menutup operasi balai. Bahasa yang sangat mudah difahami tetapi ada pihak putar belit sangat luar biasa.

"Terdapat 810 balai polis serta 157 ibu pejabat polis daerah (IPD) di seluruh negara

dan ada yang berisiko tinggi, malah arahan tutup pintu pagar selepas pukul 10 malam tidak menjejaskan tugas hakiki pihak polis.

"Jika ada orang awam yang datang untuk membuat aduan selepas 10 malam, anggota bertugas akan membuka pintu pagar dan operasi di balai masih seperti biasa," katanya dalam sidang akhbar selepas Majlis Ramah Mesra Perdana Menteri Bersama Warga Kementerian Dalam Negeri (KDN) di IPD Marang, di sini, semalam.

Semalam, beliau menjawab soalan Richard Riot Jaem di Dewan Rakyat mengenai usaha Polis Diraja Malaysia (PDRM) meningkatkan keselamatan selepas insiden di Balai Polis Ulu Tiram, Johor pada Mei.

Menurut Saifuddin Nasution arahan penutupan pintu pagar selepas 10 malam boleh menghalang kejadian itu daripada berulang apabila suspek menceroboh Balai Polis Ulu Tiram pada pukul 2.45 pagi.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 11 JUL 2024

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
aiman.asrol@mediamulia.com.my

BANGI: Majikan luah rasa lega kerana sudah melaksanakan tanggungjawabnya kepada pekerja apabila mendaftar dan mencarum dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) sejak awal lagi.

Pengarah Naratif Sdn. Bhd, Muhammad Aniq Qawiem Mohamad Sazaly berkata, beliau menyedari kepentingan untuk mencarum Perkeso sejak awal menubuhkan syarikat.

Menurutnya, majikan lain juga perlu mencarum Perkeso untuk pekerja mereka demi keselamatan dan bagi mengelak implikasi pada jangka masa panjang.

"Saya bersyukur yang saya sudah mencarum sempena dengan Bulan Pemutihan Perkeso, jadi saya rasa lega.

"Selain daripada soal keselamatan pekerja, sebenarnya Perkeso turut mempunyai banyak lagi faedah lain yang kita boleh dapat apabila mencarum," katanya kepada pemberita, di sini, semalam.

Terdahulu, Perkeso melancarkan Operasi Pengesanan Majikan (Ops Kesan) peringkat kebangsaan 2024 secara serentak di seluruh negara melibatkan 1,000 pegawainya.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Perkeso, Datuk Seri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, Ops Kesan dilaksanakan bukan untuk menghukum tetapi sebaliknya mahu memberi kesedaran dan pendedahan kepada majikan.

Majikan luah rasa lega lepas carum Perkeso untuk pekerja



PENGUAT kuasa Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) ketika menjalankan Ops Kesan di sebuah pejabat di Bandar Baru Bangi semalam. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

Jelasnya, Ops Kesan kali ke-15 itu akan dilaksanakan hingga akhir tahun ini bagi mengesan sebanyak mungkin majikan yang tidak mencarumkan pekerja mereka.

"Matlamat kita bukan untuk mengenakan kompaun atau faedah caruman lewat bayar dan sebagainya. Matlamat kita adalah untuk mereka mendaftar serta membayar caruman.

"Ini untuk memastikan tiada kelompokan caruman pekerja.

Misalnya, satu majikan yang saya sendiri keluarkan kompaun sebentar tadi, dia ada pekerja tempatan tetapi sudah diberhentikan, mungkin pekerja itu sudah bekerja lebih setahun tetapi tidak didaftar dan dicarum.

"Jika berlaku apa-apa kepada pekerja ini, setahun tidak ada caruman, mungkin akan menjejaskan bayaran faedahnya. Mereka wajib didaftar dan dicarumkan termasuk

membayar caruman tertunggak sebelum ini," katanya.

Tambahnya, majikan yang dikeluarkan kompaun diberi tempoh selama seminggu untuk mendaftar dan mencarumkan pekerja mereka.

"Jika gagal, kita akan laksanakan tindakan susulan dengan membawa mereka ke muka pengadilan, di mana mereka boleh didakwa dan jika disabit kesalahan mereka boleh didenda

RM10,000 atau dua tahun penjara atau kedua-duanya sekali," tegasnya.

Tambahnya setakat jam 5.00 petang semalam, sebanyak 4,299 pemeriksaan ke atas premis dilaksanakan yang menyaksikan 555 Notis Kompaun Akta 4 dan 232 Notis Kompaun Akta 800 dikeluarkan. "Keseluruhan jumlah kompaun bagi kedua-dua Akta adalah sebanyak 787 dengan jumlah RM652,500.00," katanya.



DR. MOHAMMED AZMAN AZIZ

Kualiti makin meningkat, harap SSPA cetus transformasi optimum perkhidmatan awam

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my



Wartawan BH

Minggu lalu, penulis berurusan di sebuah kaunter perkhidmatan awam atas urusan peribadi. Sepanjang jalan menuju ke pejabat jabatan berkenaan, timbul pelbagai persepsi mengenai mutu perkhidmatan bakal dilalui.

Sebelum ini, apabila mahu berurusan di kaunter kerajaan, sering muncul tanggapan muluk terhadap perkhidmatan awam walaupun banyak transformasi sudah dilaksanakan sebenarnya.

Sebaliknya, apa yang digambarkan sebelum ini sangat jauh meleset kerana proses berurusan di kaunter kerajaan bukan sahaja berjalan pantas, malah pegawai bertugas juga mesra melayan pelanggan.

Ia sekali gus menokhtahkan mentaliti negatif pernah tertanam dalam minda mengenai cakap negatif berhubung mutu perkhidmatan awam.

Mungkin ia ada kaitan dengan usaha Kerajaan MADANI dilihat amat menitikberatkan aspek kebajikan penjawat awam demi mewujudkan ekosistem perkhidmatan awam lebih inklusif dan berkeadilan.

Dalam konteks lebih besar, usaha signifikan kerajaan dalam membela kebajikan penjawat awam tentu sekali melalui kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada tahun lalu.

Perdana Menteri mengumumkan kenaikan gaji penjawat awam 13 peratus bermula Disember ini, iaitu antara tertinggi dan terbaik dalam sejarah negara, diumumkan pada majlis sambutan Hari

Pekerja 1 Mei lalu itu, membabitkan peruntukan lebih RM10 bilion.

Kira-kira 1.6 juta penjawat awam kini berdebar-debar menunggu pengumuman khabar gembira apabila hasil kajian SSPA dijangka dibentang bulan ini, manakala penambahbaikan sistem struktur gaji penjawat awam pula akan diumumkan pada Belanjawan 2025.

Ketika ini, kajian berhubung sistem saraan itu sedang dijalankan secara menyeluruh, yang memberi tumpuan kepada peningkatan produktiviti dan kecukupan perkhidmatan awam.

Ia diukur menerusi penggunaan teknologi dan kemahiran modal insan, prestasi penjawat awam daripada aspek produktiviti yang mewajarkan gaji setimpal kepada penjawat awam dan kesejahteraan buat mereka.

Kos sara hidup, kemampuan fiskal negara

Selain itu, kajian terbabit turut mengambil kira aspek penjawat awam dalam menangani kos sara hidup dan kemampuan fiskal negara dalam membiayai perbelanjaan berkaitan perkhidmatan awam.

Kajian ini juga memberi keutamaan kepada digitalisasi serta mengambil kira perubahan persekitaran merangkumi ekosistem baharu, peningkatan kemahiran pekerja dan fleksibiliti dalam cara atau lokasi bekerja.

Tiga skop utama berpaksi pada kajian SSPA ialah pembangunan organisasi, kemampuan saraan dan pengurusan bakat.

Ia menunjukkan kajian ini bersifat menyeluruh dan bukan hanya memfokuskan struktur gaji, elaun dan kemudahan di bawah skop kemampuan saraan.

Sebaliknya, ia turut merangkumi struktur perkhidmatan dan skim perkhidmatan di bawah pembangunan organisasi, selain aspek pelantikan, prestasi dan pengiktirafan, kemajuan kerjaya, pemangkuan dan kenaikan pangkat serta pengurusan tatatertib dan penamatan di bawah skop pengurusan bakat.

Prinsip kajian SSPA digerakkan berpanduan kepada keperluan perkhidmatan awam pada masa hadapan dan kepentingan menangani cabaran semasa berkaitan pengurusan sumber manusia perkhidmatan awam.

Apabila dilaksanakan kelak, pendapatan minimum penjawat awam adalah melebihi RM2,000 sebulan berbanding RM1,795 sebulan termasuk gaji dan elaun tetap.

Bukan sahaja penjawat awam masih bertugas, kerajaan turut memberi jaminan bayaran pencen kepada lebih 931,000 pesara akan diselaraskan, selari semakan gaji pegawai awam dalam kajian SSPA.

Keseriusan kerajaan dalam membela penjawat awam turut dihargai kumpulan pemegang taruh terutama Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) yang menyifatkannya mampu memberi kelegaan kepada golongan sasar.

Pastinya, menjelang tahun hadapan, senyuman akan terukir pada jutaan penjawat awam yang selama ini bersabar hingga belasan tahun untuk menikmati kadar pendapatan lebih baik.

Sementara itu, sebagai individu yang sering mendapatkan dan menggunakan perkhidmatan daripada penjawat awam, sudah tentu kita mengharapkan mutu serta kualiti perkhidmatan terbabit mampu bergerak lebih baik setanding dengan inisiatif kerajaan dalam membela kebajikan mereka.

Projek Kampung Sungai Baru bermula tahun depan

Menteri jamin
Kampung Bharu
kekal simbol
kemajuan,
ikon komersial
orang Melayu

Kuala Lumpur: Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa memberi komitmen Kampung Bharu akan kekal sebagai simbol kemajuan orang Melayu di tengah-tengah bandar raya Kuala Lumpur dan ikon komersial orang Melayu pada masa hadapan.

Sehubungan itu, beliau akan memastikan pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Kampung Bharu 2040 dilaksanakan secara telus dan mampan.

Katanya, majlis pecah tanah projek pembangunan Kampung Sungai Baru akan dilaksanakan

akhir tahun ini dengan kerja pembinaan bermula suku pertama 2025.

Menurutnya, pihaknya sudah bertemu dengan kedua-dua pihak di pejabat Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu (PKB) dan mendengar dengan teliti setiap penjelasan serta harapan yang disuarakan.

Bagaimanapun katanya, selepas pertimbangan dibuat, beliau berpandangan kerajaan harus berlaku adil kepada pihak majoriti yang bersetuju dan akur sejak awal dengan projek pembangunan semula Kampung Sungai Baru.

"Antara asas pertimbangan apabila diperhatikan urusan pengambilan tanah dibuat adalah Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) adalah adil berasas Jadual Pertama Akta Pengambilan tanah dan pemberian tambahan pampasan diberikan antara 10 hingga 15 peratus oleh

Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG).

"Malah golongan minoriti sudah diberi penempatan sementara dan pernah diberi peluang sama dengan golongan majoriti, iaitu balasan rumah dengan keluasan lebih besar, selesa dan nilai jaminan (*guaranteed value*) yang akan meningkat pada masa akan datang melalui perjanjian dengan pihak pemaju," katanya pada sesi jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Dr Shahidan Kasim (PN-Arau) berhubung status terkini projek pembangunan semula kawasan di Kampung Sungai Baru serta tindakan yang diambil terhadap pemaju projek.

Sindir Shahidan

Terdahulu Dr Zaliha sempat menyindir Shahidan yang juga bekas Menteri Wilayah Persekutuan, dengan menyatakan bahawa pertanyaan berkenaan bagaikan

peribahasa 'sudah gaharu cendana pula, sudah tahu bertanya pula'.

"Sehubungan itu, pertanyaan ini akan saya jawab dengan ringkas kerana saya percaya kebanyakan perkara sudah pun dalam pengetahuan Yang Berhormat Arau," katanya.

Dr Zaliha berkata, projek pembangunan semula kawasan di Kampung Sungai Baru yang tertangguh isu legasi yang diwarisi beberapa pentadbiran kerajaan daripada latar belakang (parti politik) yang berbeza.

Katanya, projek pembangunan semula itu memerlukan tekad politik jika mahu diselesaikan dengan segera.

"Hala tuju kepada projek ini memerlukan keputusan yang objektif, bukannya keputusan populis semata-mata, sebagaimana yang sering dicanangkan oleh mantan yang lain.

"Dalam masa enam bulan sejak saya menerajui Wilayah Persekutuan, projek pembangunan semula yang sudah terbengkalai menginjak ke tahun kelapan, kini akan bakal dapat dimulakan sedikit masa lagi," katanya.

BERITA HARIAN

Tarikh 1 JUL 2024

CUEPACS harap gaji minimum kakitangan awam RM2,000

Perdana Menteri dijangka beri butiran lanjut upah baharu pada MAPPA

Oleh Hakim Mahari
hakimmahari@bh.com.my

Kuala Lumpur: CUEPACS berharap kakitangan awam gred rendah akan membawa pulang sekurang-kurangnya RM2,000 menerusi kenaikan gaji yang diumumkan pada pembentangan Bajet 2025 Oktober depan.

Presidennya, Datuk Dr Adnan Mat, berkata ia penting untuk memastikan kumpulan berkenaan dapat mengatasi kos sara hidup yang tinggi pada masa kini.

Beliau berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dijangka memberikan butiran

lanjut mengenai pelaksanaan gaji baharu itu pada Majlis Amanat Perkhidmatan Awam (MAPPA) pada 16 Ogos ini.

"CUEPACS yakin bahawa kumpulan pekerja gaji terendah akan membawa pulang sekurang-kurangnya RM2,000 sebulan. Ini akan memberi mereka sedikit kelegaan dari segi kewangan.

"Pengumuman oleh Perdana Menteri pada Mei lalu juga mempertimbangkan pelbagai faktor dan dibincangkan dengan Ketua Setiausaha Perkhidmatan Awam dan Setiausaha Kerajaan (negeri)," katanya dalam sidang media hari ini.

Pada 1 Mei lalu, Anwar mengumumkan peningkatan gaji lebih daripada 13 peratus dalam ganjaran pekerja awam, antara tertinggi dalam sejarah Malaysia dengan kenaikan berkuat kuasa pada 1 Disember tahun ini.

Kali terakhir gaji pekerja awam disemak adalah 12 tahun lalu dan peningkatan tertinggi sebelum ini adalah 13 peratus.

Adnan juga berkata, baru-baru

ini CUEPACS menyelesaikan perbincangan terperinci mengenai sistem ganjaran baharu untuk pekerja awam.

"Kami menyelesaikan perbincangan dalam *war room* mengenai sistem ganjaran itu sendiri dan kami yakin pengumuman Perdana Menteri akan menepati dan dipertimbangkan dengan baik," katanya.

Isu kadar kebangkrutan

Dalam perkembangan lain, Adnan berkata, semua ketua jabatan perlu menangani isu pening-

katan kadar kebangkrutan dalam kalangan kakitangan awam.

Beliau berkata, ia sejajar dengan Dasar Peluang Kedua mengenai kebangkrutan kepada mereka yang berusia 40 tahun ke bawah dengan hutang tidak melebihi RM200,000.

Adnan berkata, dasar berkenaan dapat membantu mengelakkan kakitangan awam daripada terperangkap dalam kebangkrutan kerana pada masa ini seramai 3,265 daripada 6.3 juta kakitangan awam masih disenarai-kan sebagai bankrap.

CUEPACS yakin bahawa kumpulan pekerja gaji terendah akan membawa pulang sekurang-kurangnya RM2,000 sebulan. Ini akan memberi mereka sedikit kelegaan dari segi kewangan



Adnan Mat, Presiden CUEPACS

"Walaupun jumlahnya agak kecil, kebangkrutan boleh memberi kesan yang teruk terhadap produktiviti.

"Polisi peluang kedua seharusnya membantu memastikan mereka tidak kekal dalam status ini untuk terlalu lama," katanya.

"Inisiatif kerajaan menyedai kelegaan kepada mereka yang dibebani dengan hutang besar, menawarkan jalan keluar dari kebangkrutan dalam keadaan tertentu.

"Tahun lalu, kerajaan mengumumkan dasar peluang kedua itu bertujuan membebaskan kira-kira 130,000 individu yang bankrap, membenarkan mereka untuk meneruskan kehidupan dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Ini dicapai melalui pindaan Seksyen 33C Akta Kebankrapan 1967, yang membolehkan individu bankrap dibebaskan daripada bankrap dalam tempoh tiga hingga lima tahun dari masa mereka mengemukakan dokumen masing-masing.

Perluasan kuasa Ketua Audit Negara langkah awal kukuh keuangan negara

1/7 BT

Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) adalah dokumen penting menyemak dan menilai kewangan serta operasi sebuah kementerian, jabatan, agensi dan entiti berkaitan dengan kerajaan. Dalam konteks pengurusan dana negara, LKAN memainkan peranan kritikal dalam mengesan sebarang ketirisan dan memastikan kebertanggungjawaban serta ketelusan dalam penggunaan dana awam.

Berdasarkan laporan audit, ia dapat memastikan sejauh mana penggunaan dana negara mematuhi undang-undang dan peraturan ditetapkan. Jika terdapat penyelewengan atau ketidakpatuhan, laporan audit boleh digunakan sebagai asas untuk mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap pihak terbabit dan seterusnya dijadikan asas untuk melaksanakan 'pembetulan'.

Laporan audit turut membantu kerajaan mengenal pasti risiko dalam pengurusan kewangan yang mungkin membawa kepada ketirisan dana. Maka laporan audit juga akan mengesyorkan penambahbaikan kepada sistem kawalan dalaman bagi mencegah rasuah, penyelewengan dan ketirisan pada masa hadapan.

Namun begitu, Ketua Audit Negara terikat dengan fungsinya mengikut Perkara 105, 106 dan 107 Perlembagaan terutama Perkara 107 iaitu mengemukakan laporan audit negara kepada Yang di-Pertuan Agong dan membentangkannya di Dewan Rakyat. Kuasa Ketua Audit Negara yang terhad ini mungkin dilihat menjadi antara faktor ketirisan dan penyelewengan dana awam sukar ditangani secara berkesan.

Menyedari faktor ini, Timbalan Speaker Dewan Rakyat, Datuk Ramli Md Nor mencadangkan supaya kuasa Ketua Audit Negara diperluaskan iaitu untuk melaporkan terus kepada pihak berkuasa jika terdapat unsur jenayah dalam mana-mana laporan audit di peringkat kementerian, agensi, jabatan dan entiti berkaitan dengan kerajaan.

Pastinya cadangan itu dibangkitkan dengan bersandarkan kepada banyak penemuan dan penyelewengan didedahkan menerusi LKAN setiap tahun di Dewan Rakyat, tetapi berdepan dengan pelbagai halangan serta kekangan dalam usaha mengambil tindakan perundangan, sekali gus menangani ketirisan dana negara.

Cadangan Timbalan Speaker Dewan Rakyat ini patut disahut kerajaan yang ketika ini turut mempromosi dasar reformasi institusi dan politik. Ia menjadi langkah permulaan kerajaan melaksanakan reformasi institusi secara terpinpin bagi menangani isu ketirisan dan penyelewengan dana awam pada masa hadapan.

Ini juga membantu mengesan dan mencegah ketirisan di semua lapisan dalam kementerian, jabatan dan agensi kerajaan, memastikan pematuhan terhadap undang-undang, serta memberikan asas bagi tindakan pembetulan dan penambahbaikan.

Perluasan kuasa Ketua Audit Negara ini juga mampu mengukuhkan integriti kewangan negara di samping memastikan pembangunan serta kemajuan negara untuk rakyat secara berterusan dapat dicapai.

Bagaimanapun, cadangan ini memerlukan kajian mendalam terutama daripada sudut Perlembagaan, kuasa perundangan, akta berkaitan serta sokongan majoriti Ahli Parlimen jika pindaan Perlembagaan perlu dilakukan untuk memperluas kuasa Ketua Audit Negara di samping mengelak pertindihan kuasa yang boleh merosakkan sistem pentadbiran serta menjejaskan kewibawaan agensi kerajaan.

BERITA HARIAN
Tarikh 11 JUL 2014